



Khairy bersama peserta program FitUni@USIM di padang Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM, Nilai, semalam.
(FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH)

Khairy kecewa acara sukan ditangguh

Nilai: Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin kecewa kerana beberapa acara sukan terpaksa ditangguhkan dan dibatalkan akibat jerebu yang melanda negara sejak minggu lalu.

Beliau berkata, Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang tidak sihat mengancam Hari Sukan Negara untuk diteruskan, kerana boleh memberi kesan negatif kepada mereka yang

terbabit terutama pelajar.

Oleh itu katanya, kementerian akan terus memantau IPU menjelang hari bersejarah pada 10 Oktober ini, manakala Institut Sukan Negara (ISN) akan mengeluarkan garis panduan berkenaan jerebu esok.

"Kita akan serahkan kepada penganjur Hari Sukan Negara di setiap kawasan, supaya mengikut garis panduan yang dikeluarkan ISN.

Kesihatan diutamakan

"Jika IPU baik di kawasan masing-masing boleh teruskan aktiviti yang dirancang, tetapi jika IPU melebihi 150, terpaksa batalkan demi kesihatan rakyat. Bagaimanapun, kita ada lima hari lagi dan kita akan lihat IPU terkini nanti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis ramah mesra bersama

1,000 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

Terdahulu, Khairy yang sepatutnya menyertai FitUni@USIM mengambil keputusan membatalkan program itu selepas mengadakan perbincangan dengan USIM, berikutan IPU di kawasan Nilai mencatatkan bacaan tidak sihat iaitu 198.

Beliau berkata, sukar untuk membatalkan Hari Sukan Negara kerana lebih 12,000 aktiviti yang membabitkan penyertaan kira-kira 8 juta orang.

Katanya, kebanyakan aktiviti yang dirancang pula perlu diadakan secara terbuka dan sukar untuk dijalankan secara tertutup seperti acara berbasikal dan larian.

"Bagaimanapun, jika terpaksa, kita akur kerana jika ditangguhkan, bimbang tidak dapat dilaksanakan juga kerana selepas ini akan masuk musim hujan pula," katanya.

Di Alor Gajah, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menggesa semua pihak berkaitan industri pelancongan membekalkan topeng muka kepada pelancong susulan jerebu melanda negara.

Timbalan Menteri, Datuk Mas Ermeyati Samsudin, berkata pengedaran topeng itu perlu dilakukan agensi pelancongan di lapangan terbang bagi memastikan kesihatan pelancong terpelihara.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan barangan dan wang tunai kepada guru TADIKA Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM dalam Parlimen Masjid Tanah di Paya Rumpit, di sini.